



# Metro

HARI : SABTU  
TARIKH : 25/1/2020  
M/SURAT : 2A

## RON97 turun 4 sen RON95, diesel kekal

**Putrajaya:** Harga runcit petrol RON97 turun empat sen seliter daripada RM2.53 sen seliter kepada RM2.49 seliter manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal pada RM2.08 serta RM2.18 seliter, berkuat kuasa tengah malam tadi hingga 31 Januari.

Kementerian Kewangan pada kenyataan semalam memaklumkan berdasarkan pengiraan mengikut formula Mekanisme Penetapan Harga Automatik (APM), harga runcit petrol RON95 dan diesel bagi tempoh itu masing-masing sepatutnya RM2.19 serta RM2.26 seliter.

"Ini menunjukkan penurunan daripada ming-

gu lalu bagi harga runcit petrol RON95 yang berada pada paras RM2.23 seliter manakala kenakan bagi diesel yang berada pada paras RM2.33 seliter.

"Harga runcit bagi kedua-dua produk itu dikekalkan pada RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi petroleum selain menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat," katanya.

Menurut kenyataan itu, dengan pengekalan harga runcit itu, anggaran subsidi yang perlu ditanggung kerajaan bagi tempoh 25 Januari hingga 31 Januari ini adalah RM49.3 juta.